

16 OCT 2001

Mahathir-Saham

PECAH AMANAH JEJAS KEYAKINAN RAKYAT DAN PELABUR, KATA PM

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan memandang serius kejadian wang tabungan orang ramai disalahgunakan dan berlakunya pecah amanah kerana ia akan menjejaskan keyakinan rakyat dan pelabur asing terhadap institusi pelaburan dan perbankan negara.

"Kebelakangan ini, kita sering mendengar kejadian wang tabungan orang ramai disalahgunakan dan berlakunya pecah amanah," katanya pada pelancaran Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN3) Skim Saham Amanah Permodalan Nasional Berhad yang kelapan di sini hari ini.

Oleh itu, kata Dr Mahathir, langkah-langkah keselamatan dan prosedur urusniaga harian perlu diperkemas dan dikaji semula dari semasa ke semasa bagi memastikan tahap profesionalisme dan kredibiliti tidak dipersoalkan.

"Di samping itu, keyakinan para pelabur dapat dikekalkan dan dipertingkatkan," katanya.

Beliau berkata selain daripada kepakaran dan kecanggihan teknologi masa kini, pengurus dana yang baik perlu mengamalkan sifat yang mulia seperti amanah, telus dan jujur serta bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka.

Pada sidang media kemudian, Dr Mahathir berkata jika dana milik orang ramai tidak diuruskan dengan baik, dan kerap-kali berlaku penyalahgunaan, "Saya fikir orang ramai tidak akan memberi kepercayaan untuk menyimpan atau melabur wang mereka dengan badan-badan itu".

"Mereka yang bertanggungjawab untuk menguruskan dana-dana ini mesti menguruskannya dengan baik dan tidak ada penyelewangan berlaku dan mesti bertanggungjawab," katanya.

Beliau berkata kerajaan sedang mengkaji dengan teliti prosedur untuk memastikan keselamatan wang tabungan orang ramai.

Pengurusan terutama yang terlibat dengan pelaburan hendaklah dibuat atas nasihat mereka yang berpengetahuan atau golongan profesional mengenai pelaburan dan tidak memilih orang yang tidak ada pengetahuan dalam bidang itu, katanya.

Dalam ucapannya Dr Mahathir juga berkata pertumbuhan industri saham amanah di negara ini masih mempunyai ruang untuk terus berkembang meskipun pada masa ini ia tidak setanding dengan industri saham amanah di negara-negara maju.

"Menyedari tentang potensi perkembangan industri saham amanah ini, kerajaan telah mengambil langkah-langkah wajar untuk memantapkan lagi industri saham amanah di negara ini," katanya.

Beliau juga berkata rakyat Malaysia perlu memahami lebih mendalam lagi tentang faktor yang boleh memberi kesan ke atas pulangan daripada pelaburan yang dilakukan.

Beliau berkata selain daripada kepakaran, profesionalisme dan kredibiliti pengurus dana, persekitaran dan iklim ekonomi tempatan dan global turut mempengaruhi perkembangan pasaran saham tempatan.

Beliau berkata oleh itu, para pelabur perlu bijak menilai, membanding dan memilih jenis-jenis pelaburan yang mampu memberi pulangan yang baik.

"Bagaimanapun, pelabur perlulah bersikap realistik dalam membandingkan pulangan yang diperolehi daripada pelaburan yang dilakukan dengan mengambil kira persekitaran ekonomi dan pasaran saham semasa," katanya.

"Sekiranya pelaburan dalam saham-saham amanah mampu memberikan pulangan yang lebih baik berbanding pelaburan jenis lain, maka pulangan yang

diperolehi itu sudah cukup baik, dan kita patut bersyukur dengan pencapaian tersebut," katanya.

-- BERNAMA

HK NJ AHH NMO